



CERITALAH WANITA



#inspirasiakmuda



INSTITUT WANITA BERDAYA

Hakcipta © Institut Wanita Berdaya (IWB) 2019

Diterbitkan pada 2019 oleh

Institut Wanita Berdaya (IWB)
IWB Consultancy Sdn Bhd (1218559-P)
D3-6-1 (1st floor)
Dana 1 Commercial Centre,
Jalan PJU 1A/46,
47301 Petaling Jaya,
Selangor
Tel: (603) 7859 6824
Email: general.iwb@gmail.com
Website: <http://www.iwbselangor.com.my>

Semua hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian buku juga tidak dibenarkan ditiru, disimpan di dalam sistem pengeluaran semula, atau pun dipancarkan walau melalui sebarang cara sekali pun termasuklah kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia / Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Atur huruf dan pereka bentuk kulit buku oleh Janice Cheong

Pencetak:

Vinlin Press Sdn. Bhd.
No. 2, Jalan Meranti Permai 1
Meranti Permai Industrial Park
Batu 15, Jalan Puchong
47100 Puchong, Selangor, Malaysia

Contents

Prakata	1
Tokoh Wanita Berdaya: Dato' Dr. Zurinah Hassan <i>Sasterawan Negara ke-13 (Wanita Pertama)</i>	2
Tokoh Wanita Berdaya: Tan Sri Datin Paduka Seri Dr. Aishah Ghani <i>Tokoh Wanita Pejuang Kemerdekaan Negara, Senator Wanita Pertama Negara. (15 Disember 1923 – 19 April 2013)</i>	6
Tokoh Wanita Berdaya: Dr. Cecilia Ng <i>Tokoh Akademik & Aktivis Hak Asasi Wanita</i>	10
Tokoh Wanita Berdaya: Zuraida Kamaruddin <i>Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan & Aktivis Wanita dan Kemasyarakatan</i>	13
Tokoh Wanita Berdaya: Profesor Emeritus Datuk Dr. Mazlan Othman <i>Pakar Astrofizik Pertama Malaysia</i>	16
Tokoh Wanita Berdaya: Irene Fernandez <i>Aktivis Hak Asasi Manusia dan Wanita (18 April 1946 – 31 March 2014)</i>	20
Tokoh Wanita Berdaya: Dr. Hartini Zainudin <i>Aktivis Kanak-kanak/Pengasas Yayasan Chow Kit</i>	24

Tokoh Wanita Berdaya: Lt. Kolonel Emilia Kamarudin TUDM (Bersara)	27
<i>Juruterbang Pesawat Pejuang Wanita Pertama</i>	
Tokoh Wanita Berdaya: Dr. Mary Suma Cardosa	31
<i>Pakar Perunding Anestesiologi & Pakar Pengurusan Kesakitan</i>	
Tokoh Wanita Berdaya: Nenney Shuhaidah Shamsuddin & Noor Huda Roslan	35
<i>Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wanita Pertama</i>	

Prakata

Perbincangan mengenai pemberdayaan wanita bukanlah sesuatu yang baru. Sebelum negara kita mencapai kemerdekaan lagi, penglibatan, perjuangan dan sumbangan wanita tidak kurang hebatnya demi pembangunan sosial, ekonomi dan juga politik di Malaysia. Usaha dan keringat mereka wajar dijadikan contoh kerana ia mampu merobek sistem patriarki dan diskriminasi walaupun ironinya masih menebal sehingga hari ini.

Cabaran wanita adalah untuk menutup jurang gender dan memecahkan status quo yang menjadi norma sosial secara umumnya sering merendahkan pencapaian wanita. Namun begitu, pencapaian wanita yang memberangsangkan dalam pendidikan tinggi secara tidak langsung telah memecahkan batasan dan stereotaip yang sebelum ini hanya di dominasi oleh kaum lelaki.

Bagi mereka yang masih belum memahami perihal wanita berdaya, makalah terbitan Institut Wanita Berdaya (IWB) Selangor adalah paling cocok untuk menceritakan 11 tokoh wanita berjaya besar dari pelbagai bidang. Ibarat kata pepatah jangan di sangka tangan yang menghayun buaian tidak mampu menggoncang dunia. Adapun di antara mereka bergerak di jalanan, sektor perundangan, ahli akademik dan juga politik. Namun suara, idea, pemikiran mereka dapat memberi kesedaran dan seterusnya memacu pemeraksanaan wanita secara holistik.

Makalah ini tampil bersaiz kecil namun ia mampu memberi inspirasi dan manfaat kepada anak muda yang dahagakan ikon pejuang Malaya. Sekaligus mengangkat isu-isu dan pengalaman mereka ke peringkat lebih tinggi hasil dari temubual mahupun koleksi peribadi maka terbitlah makalah “Ceritalah Wanita”.

Menyedari bahawa makalah ini masih banyak kekurangan. Maka saranan yang membangun dari para pembaca sangat diharapkan bagi penambahbaikan untuk terbitan akan datang.

Institut Wanita Berdaya (IWB) Selangor



DATO' DR. ZURINAH HASSAN

Sasterawan Negara ke-13 (Wanita Pertama)

*Tahun enam puluhan
aku mencuri-curi ke kedai simpang
membeli buku tulis dan pena sebatang
untuk melakar bunga-bunga puisi
yang baru belajar berkembang.*

*Zaman tanpa komputer
mesin taip pun tak terpandang
di tengah bendang
tak terbayang oleh ayah yang sibuk
membanting harapan
dan menuai kehampaan.*

*Sehari-harian membulatkan aksara
agar terbaca oleh Tuan Pengarang
Ibu dan nenek mula melepas rungutan,
mengapa aku tidak menjahit dan menyulam
seperti anak anak gadis kebangsaan.*

*Tahun lapan puluhan karya sudah tersiar
nama dan gambar tercetak di akhbar
aku sudah mampu memiliki
mesin taip kecil olivetti.*

*Menaip dengan cermat
menaip semula setiap menukar kalimat
kebas bahu dan tangan
terasa putus urat urat
sebelum sampai akhir ke muka surat.
Menjelang tahun dua ribu
alangkah bahagia
komputer riba sudah tiba.*

*Melintas milenium
menerawang di sesawang
ribuan puisi lahir setiap hari
keluaran tak terkawal bentuk tak ku kenal
aku jadi tidak ketentuan hala
dengan ledakan novel-novel popular
di simpang-siur kota siber yang riuh
aku merasa kecil dan jauh.*

**Sajak 'Cerita Penulis Wanita', Kumpulan Puisi Cerita Dalam Cerita, Zurinah Hassan.*

Sewaktu kecil, Zurinah Hassan sering merasa cemburu pada anak gadis yang tinggal di kawasan bandar. Hidup mereka dilengkapi dengan keperluan elektrik, meja menulis, dan perpustakaan yang tidak jauh dari rumah. Beliau lahir pada tahun 1949 di Alor Setar, ibu kota negeri Kedah, tetapi membesar di rumah neneknya di kampung Tikam Batu. Persekitaran waktu itu menuntut anak perempuan perlu berada di rumah; anak perempuan tidak boleh dilihat atau didengari.

Datuknya merupakan seorang imam di sekolah agama dan antara yang pertama memiliki radio sendiri di rumah. Radio inilah menjadi peneman setia dan seterusnya membuka minatnya terhadap dunia penulisan. Beliau tidak mempunyai sahabat yang ramai dan jarang keluar bermain seperti kanak-kanak lainnya menyebabkan beliau sering mendengar lagu-lagu dan menghafal seni kata. Setelah pandai menulis, seni kata itu disalin di dalam buku notanya.

Zurinah selalu mendengar pantun, syair, dan lagu-lagu klasik dari corong radio dan mula menghargai susunan liriknya yang indah dan bermakna. Beliau belajar menghargai keindahan kata-kata dan menjadi perenung kehidupan, persekitaran, percakapan, manusia dan Tuhan. Beliau membesar dengan pemikiran bahawa anak perempuan tidak boleh bersuara atau menyatakan pendapat, walaupun ada banyak perkara yang mahu diluahkan. Satu-satunya cara adalah dengan menulis. Zurinah mula menulis pantun yang merupakan puisi tradisional, mengandungi empat baris, dengan struktur rima *abab*. Selain itu, dia juga cuba menulis sajak ringkas atau ayat yang berima. Sajak itu, dia tidak pernah berhenti menulis sehingga ke hari ini.

Perdebatan terjadi dalam keluarga apabila beliau tamat persekolahan rendah di kampung. Hal ini demikian kerana sekolah menengah hanya berada di bandar besar dan menghantar anak gadis ke sekolah menengah akan mendedahkan banyak risiko dan masalah. Kebanyakan ibu bapa tidak nampak rasional membelanjakan masa dan wang ringgit, sedangkan anak perempuan mungkin akan berkahwin dan meninggalkan rumah dalam masa beberapa tahun lagi. Zurinah bertuah

kerana beliau merupakan cucu perempuan pertama yang dibenarkan ke sekolah menengah, iaitu pada sekitar tahun 1960.

Zurinah Hassan mendapat pendidikan formal awal di Sekolah Rendah Melayu Tikam Batu dan Sekolah Inggeris Sungai Layar, Sungai Petani, Kedah. Beliau meneruskan pendidikan menengahnya di Sekolah Menengah Convent Sungai Petani dan Sekolah Menengah Sultanah Asma, Alor Setar, Kedah. Beliau melanjutkan pengajian di Universiti Sains Malaysia sehingga mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera pada tahun 1974. Pengajiannya dilanjutkan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan berjaya mendapatkan Ijazah Sarjana Sastera pada tahun 2001. Beliau kemudian menyambung pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan memperolehnya pada tahun 2008.

Ketika Zurinah mula menulis di media, ada ramai penulis dan penyair wanita, namun beliau perhatikan tidak ada kritikan dan ulasan yang serius tentang karya mereka. Perhatian lebih diberikan kepada penyair dan penulis lelaki seperti Usman Awang dan A. Latiff Mohidin. Karya penulis wanita seolah-olah tidak menjadi sesuatu yang dibanggakan oleh media, badan bahasa, dan pengamal sastera. Cuma ada artikel kritikan yang sama berulang-kali mengenai pembabitan penulis wanita seperti:

- a) Kualiti dan kuantiti penulisan wanita kurang berbanding lelaki.
- b) Penulis perempuan tidak menulis perkara yang penting. Kebiasaan mereka hanya menulis tentang hal kewanitaan, rumahtangga, perhubungan dan bukannya perkara-perkara yang lebih besar menjangkau hal-hal antarabangsa.
- c) Penulis perempuan tidak sepenuhnya memberikan komitmen. Mereka tidak bertahan lama dan hilang selepas berkahwin.

Perkara ini membuatkan Zurinah melakukan pemerhatian dan kajian yang mendalam. Benarkah penulis wanita tidak bersungguh-

sungguh? Adakah kehilangan penulis wanita disebabkan mereka kurang idea atau kurang berbakat jika dibandingkan dengan penulis lelaki? Bagi Zurinah, memang mudah untuk melemparkan pelbagai andaian. Tetapi dunia perempuan sememangnya tidak sama dengan lelaki. Sebuah puisi telah ditulis oleh Zurinah Hassan sebagai reaksinya terhadap isu ini.

Satu Percakapan Singkat
(dengan teman seniman)

*Temanku
tentang cinta kita pada hidup
mungkin tak banyak perbezaan
tentang cinta kita pada puisi
itu pun tak ada perbezaan
tetapi kau lelaki
dan aku perempuan
di sinilah letaknya perbezaan.
Seorang lelaki membebaskan diri
untuk membataskan pilihan
seorang perempuan membataskan pilihan
untuk membebaskan diri.*

* *Memoir Zurinah Hassan: Menjejak Puisi.*

Pada tahun 1996, beliau memilih untuk bersara dari perkhidmatan kerajaan dengan tujuan untuk memberikan sepenuh perhatian kepada penulisan. Namun begitu, tugas seharian sebagai ibu dan isteri tetap harus dipikul. Disinilah letaknya perbezaan antara lelaki dan perempuan. Apabila lelaki pulang dari kerja, dia boleh menumpukan masa untuk menulis sepenuhnya. Sementara tugas isteri dan ibu tidak akan ada kesudahannya. Ketika anak-anaknya masih kecil, Zurinah tidak dapat menulis dengan aktif. Hanya setelah anak-anak mulai bersekolah, dia kembali menulis secara prolifik. Zurinah percaya menjadi penulis perempuan harus bijak mengatur jadual kerja dan disiplin diri.

Karya-karya Zurinah Hassan banyak menyuarakan isu-isu kewanitaan dalam sistem patriarki, terutamanya dalam masyarakat Melayu. Wanita harus setia dan patuh pada suami kerana merasakan mereka adalah pelindung. Sehingga takut untuk bersuara menyatakan hak walaupun diperlakukan keras dan zalim. Sebagai penulis wanita, Zurinah Hassan merasakan isu-isu sebegini penting untuk diangkat dalam bentuk puisi, cerita pendek, dan novel agar memberi manfaat kepada masyarakat.

Selain isu-isu kewanitaan, Zurinah juga menyatakan tentang kebimbangannya terhadap masa depan anak bangsa. Tulisannya menjangkau isu kemiskinan dan masalah ekonomi yang dihadapi oleh petani dan nelayan di Malaysia. Karyanya juga menyentuh tentang kos sara hidup yang semakin mencengkam dan harga rumah yang semakin tinggi sehingga rakyat tidak mampu memiliki rumah sendiri. Sistem pemerintahan politik feodal dan kapitalis yang tidak memberi keadilan kepada rakyat juga diadun menjadi puisi dan prosa sebagai ingatan dan keprihatinannya pada negara, agama dan bangsa.



Dato' Dr Zurinah Hassan bersama Anugerah Sasterawan Negara ke-13 yang di terimanya

Hari Keputeraan Sultan Kedah ke-86 pada tahun 2014. Anugerah ini membawa gelaran Dato'. Beliau diumumkan sebagai tokoh Sasterawan Negara yang ke-13 pada 13 Oktober 2015. Pemilihan Zurinah itu dibuat berdasarkan sumbangan besarnya melalui karya dan pemikirannya

Zurinah Hassan hingga kini telah menghasilkan lebih daripada 19 buah buku. Antaranya buku yang dihasilkan ialah antologi sajak, antologi puisi, kajian sastra, autobiografi, memoir, antologi cerpen dan novel. Beliau dianugerahkan Darjah Setia Diraja Kedah (DSDK) sempena Ulang Tahun

terhadap pengembangan sastera serta impak dalam penyebaran ilmu.

Nama Zurinah Hassan antara yang disebut-sebut semenjak penilaian Sasterawan Negara yang ketujuh lagi. Namun begitu, banyak perdebatan dan pertikaian dalam usaha menobatkan seorang wanita sebagai sasterawan negara. Oleh sebab itu, dengan kredibiliti dan usaha yang berterusan serta kualiti karya yang dihasilkan, Zurinah Hassan merupakan sasterawan negara ke-13 dan wanita pertama yang mendapat gelaran tersebut.

Diiktiraf sebagai sasterawan negara tentunya memberi kebahagiaan dan kebanggaan buatnya yang telah melalui pelbagai liku-liku hidup sebagai seorang penulis wanita, namun ia juga merupakan tanggungjawab yang besar. Selagi diberi nafas dan kudrat, beliau akan terus menulis dan berkongsi tulisannya kepada masyarakat.

Zurinah berharap kesedaran tentang kesusasteraan akan terus dipertingkatkan dari masa ke semasa. Generasi muda masih ada yang tidak kenal siapa itu sasterawan negara. Malah, kegiatan sastera tidak serancak seperti negara-negara lain yang sedang membangun. Institusi dan kepimpinan kerajaan harus memandang perkara ini secara serius. Sastera adalah sebahagian daripada kehidupan. Sastera menjadikan kita manusia yang lebih baik. Sastera memupuk jati diri dan semangat patriotisme yang tinggi. Maka, sastera itu adalah tidak wajar diasing-asingkan.





TAN SRI DATIN PADUKA SERI DR. AISHAH GHANI

*Tokoh Wanita Pejuang Kemerdekaan Negara,
Senator Wanita Pertama Negara. (15 Disember 1923 – 19 April 2013)*

“Memperjuangkan kemerdekaan negara adalah satu-satunya perkara yang telah aku lakukan untuk bangsa dalam hidupku.” (Aishah Ghani)

Pengakuan jujur ini telah diabadikan dalam buku *Aishah Ghani: Memoir Seorang Pejuang* yang merupakan coretan pengalaman dan perjalanan hidupnya sebagai tokoh pejuang kemerdekaan, seterusnya menjadi ikon wanita yang sangat penting dalam sejarah pembangunan politik negara.

Pada 15 Disember 1923, Aishah Ghani dilahirkan di Kampung Sungai Serai, Hulu Langat, Selangor. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Bukit Raya, Cheras sebelum melanjutkan pelajaran di Sekolah Diniyah Puteri, Sumatera dari tahun 1936 hingga 1939. Walaupun kesedaran terhadap pendidikan pada ketika itu adalah sangat kurang, namun ibu bapa Aishah mengambil inisiatif untuk menghantar anak perempuannya ke luar negara, khususnya Indonesia pada usia yang muda. Antara tokoh-tokoh wanita negara yang belajar di Sekolah

Diniah Puteri, Sumatera adalah Sakinah Junid dan Shamsiah Fakeh.

Pembelajaran yang diterimanya dari negara luar telah membuka perspektif baru dalam diri Aishah. Sekolah Arab Diniah Puteri telah membentuk sahsiah dan corak pemikirannya. Aktiviti debat dan pidato di sekolah menjadi gelanggang untuk Aishah berani menyatakan pendapatnya. Beliau kemudiannya meneruskan pembelajarannya di Kolej Latihan Guru Tinggi, Padang Indonesia pada tahun 1940 dan di situlah beliau mula mengenali dunia politik Tanah Melayu yang ketika itu sedang dijajah.

Penglibatan awal Aishah dalam bidang politik dilihat melalui ketokohan beliau menyertai Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang ditubuhkan pada akhir tahun 1945. Beliau akhirnya dilantik sebagai ahli Jawatankuasa dan Ketua Angkatan Wanita Sedar (AWAS) sebelum Shamsiah Fakeh. Akibat tidak sehaluan, Aishah keluar dari AWAS pada tahun 1946. Beliau menyertai UMNO Kampung Baru pada tahun 1950 dan dilantik sebagai Setiausaha Pergerakan Kaum Ibu.

Aishah mendirikan rumah tangga dengan Abdul Aziz Abu Hassan pada tahun 1949 dan mencipta sejarah negara apabila ditawarkan menjadi juruhebah wanita Melayu pertama di Radio BMA Kuala Lumpur, yang pada ketika itu baru saja dibuka. Mereka dikurniakan empat cahaya mata, iaitu Shairudin, Astaman, Mariati dan Zarim. Menurut Mariati, sebagai satu-satunya anak perempuan kepada Aishah Ghani, ibunya adalah seseorang yang sangat mementingkan disiplin dan tegas dalam mendidik.

“Seorang ibu yang sangat tegas dan garang sekali. Pergi sekolah perlu naik bas sendiri dan akan pastikan saya sampai rumah tepat pada masanya. Kami adik-beradik dibesarkan dengan penuh disiplin.”

Semasa berkhidmat sebagai juruhebah radio, seringkali Aishah menyelitkan semangat perjuangan dalam hebahannya. Karier Aishah sebagai wartawan bermula di Pelita Malaya, lidah rasmi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan kemudian Berita Harian.

Tujuan beliau menulis untuk Pelita Malaya adalah untuk menggalakkan wanita menyertai politik selain menyedarkan mereka tentang pentingnya erti kemerdekaan.

Tekadnya dalam mendapatkan kemerdekaan negara tidak pernah padam dan beliau kembali aktif dalam politik dengan menyertai cawangan UMNO Pasar Pudu sebelum menganggotai cawangan UMNO Kampung Baru, Kuala Lumpur pada tahun 1949. Kelantangan dan keberaniannya dalam perjuangan isu wanita membolehkan Aishah dipilih menjadi wakil tetap Kaum Ibu UMNO pada Perhimpunan Agung UMNO Malaya di Pulau Pinang pada tahun 1951 dan beliau menyandang jawatan itu sehingga tahun 1954.

Namun begitu, beliau masih mahu mendalami bidang kewartawanan dan politik. Beliau telah menyambung pengajiannya ke Regent Street Polytechnic di England pada April 1955. Walaupun beliau berada di luar negara dan sentiasa sibuk dengan pelajaran, namun Aishah aktif juga menjalankan kegiatan-kegiatan persatuan dengan menjadi Ahli Jawatankuasa Persatuan Melayu Great Britain (*Malay Society of Great Britain*).

Pada pilihan raya umum pertama 1959, Aishah bertanding di kawasan Parlimen Setapak sebagai calon Perikatan, namun beliau tewas. Kegagalan itu tidak menghalang Aishah untuk terus aktif dalam UMNO. Pada tahun 1960, beliau dipilih menjadi ahli Majlis Tertinggi UMNO serta Naib Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaya. Beliau sekali lagi mencatat sejarah apabila dilantik menjadi Senator wanita pertama di Dewan Negara pada tahun 1962. Pelantikan tersebut menyaksikan beliau sebagai wanita Melayu pertama yang memegang jawatan sebagai ahli Dewan Negara. Pada tahun 1974, beliau menang tanpa bertanding mewakili Parlimen Kuala Langat.

Berikutan daripada hal tersebut, beliau meletakkan jawatannya di Berita Harian apabila dipilih menjadi anggota Majlis Tertinggi UMNO pada tahun 1963 dan bergiat aktif memperjuangkan hak dan kebajikan wanita termasuklah dalam bidang pendidikan, ekonomi, dan politik.



Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani sedang mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Rakyat.

perpustakaan selain menyediakan masjid dan kawasan taman permainan.

Antara perjuangan atau tindakan yang dilakukannya adalah mengusulkan supaya semua hotel wajib meletakkan tanda arah kiblat. Usul tersebut beratus-ratus kali disuarakan, sama ada di Parlimen atau di dalam majlis-majlis yang sewajarnya, supaya setiap pemaju perumahan harus menyediakan sebuah masjid dan kawasan taman

Sepanjang tempoh itu juga, beliau mewakili Malaysia sebagai wanita pertama ke Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Dari tahun 1967 hingga 1972, Aishah menjadi wakil Malaysia ke Persidangan Suruhanjaya Taraf Wanita PBB. Beliau juga menyandang jawatan Setiausaha Pergerakan Wanita Umno Negeri Selangor antara tahun 1960 hingga 1972.

Selepas 12 tahun dipilih memegang jawatan Naib Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO, Aishah dipilih sebagai Ketua Pergerakan Wanita Umno pada mesyuarat perwakilan Wanita Umno 1972.

Ketokohan Aishah terus digilap apabila menjadi wanita kedua yang dilantik sebagai Menteri Kebajikan Am pada Mac 1973, menggantikan Allahyarham Tun Fatimah Hashim. Beliau menjadi menteri kabinet selama 11 tahun sehingga tahun 1984. Semasa menjadi Menteri Kebajikan Am, beliau banyak memperjuangkan hak-hak kaum wanita. Melalui jawatan itu, beliau berpeluang merealisasikan penubuhan Yayasan Kebajikan Negara, Institut Pemulihan Untuk Cacat Anggota di Bangi selain mengusulkan Undang-undang Keluarga Islam.

Selain itu, beliau pernah dipilih menjadi wakil Malaysia dalam Jawatankuasa Perpaduan Golongan Afro-Asia di Algiers, Algeria,

wakil Malaysia di Seminar Wanita Asia di Berlin dan wakil Malaysia di Suruhanjaya Persidangan Status Wanita di PBB antara tahun 1967 hingga 1972.

Perjuangan beliau dalam memartabat dan melindungi hak-hak wanita dalam negara juga dibuktikan dengan menyokong Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), yang khusus memperjuangkan wanita Islam pada tahun 1967. Beliau juga menjadi Pengerusi Pusat Bantuan Wanita dan Pengerusi Koperasi Jaya Murni Wanita Berhad sejak penubuhannya pada tahun 1975. Sumbangan dan jasanya turut dihargai apabila menerima pengiktirafan sebagai Tokoh Wanita Negeri Selangor 1996, Tokoh Warga Emas Selangor 2002, Tokoh Maal Hijrah Negeri Selangor 1423 Hijrah/2002, Anugerah Pejuang Kemerdekaan Selangor dan Anugerah Mutiara Pertiwi daripada Puteri Umno.



Aishah Ghani semasa di Pahang, menyerahkan skrol kepada Dr Mohamed bin Taib, salah seorang doktor Melayu terawal

Aishah menulis dan menerbitkan buku *Ibu Melayu Mengelilingi Dunia: Dari Rumah ke London* dan autobiografinya bertajuk *Aishah Ghani: Memoir Seorang Pejuang* yang menceritakan tentang perjalanan serta pengalaman pahit manisnya dalam meniti perjalanan sebagai aktivis politik, pejuang kemerdekaan, dan tokoh wanita yang menjadi sejarah negara. Wanita bersemangat waja ini melalui suatu kehidupan yang penuh berwarna-warni berikutan daripada penglibatannya yang meluas dalam bidang kewartawanan, politik serta perjuangan untuk golongan wanita.

Pengiktirafan dan penganugerahan yang diterima oleh Aishah Ghani sepanjang penglibatannya adalah Johan Mangku Negara (J.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (1971), Darjah Dato' Paduka Mahkota Selangor Kelas Kedua (D.P.M.S.) yang membawa gelaran Datin Paduka oleh Kerajaan Selangor (1978), Panglima Mangku Negara (P.M.N.) yang membawa gelaran Tan Sri oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (1985), Ijazah Kehormat Kedoktoran Undang-undang oleh Universiti Sains Malaysia (1986), Darjah Seri Paduka Mahkota Selangor Kelas Pertama (S.P.M.S.) yang membawa gelaran Datin Paduka Seri oleh DYMM Sultan Selangor (1999) dan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Sains Politik oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (2002).

Aishah Ghani meninggal dunia ketika usianya menjelang 90 tahun pada hari Jumaat 19 April 2013. Walaupun tidak menyambung legasi perjuangan ibunya, Mariati berharap rakyat Malaysia dapat menghargai keazaman dan kesungguhan yang telah disumbangkan oleh ibunya kepada negara.

“Ibu saya telah bekerja keras dan mengorbankan seluruh hidupnya demi pembangunan dan kesejahteraan negara. Jika beliau pernah menyakiti hati sesiapa, mohon maafkanlah dia. Dia hanya mahukan yang terbaik untuk seluruh rakyat Malaysia.”